

Lelaki mengaku salah guna dadah dipenjara lima bulan

MIRI: Seorang lelaki dijatuhi hukuman penjara lima bulan oleh Mahkamah Majistret semalam selepas mengaku bersalah atas pertuduhan menggunakan dadah berbahaya tanpa kebenaran pihak berkuasa.

Mahkamah turut memerintahkan tertuduh menjalani pengawasan pihak polis dua tahun mengikut Seksyen 38B Akta Dadah Berbahaya (ADB) 1952.

Tertuduh, Chong Kar Yuen, 48, dari Sungai Dalam, Jalan Miri-Bintulu di sini didakwa mengikut Seksyen 15 (1) (a) ADB 1952 dan dihukum di bawah Seksyen 15 (1) akta yang sama.

Mengikut kesalahan itu, tertuduh boleh didenda sehingga RM5,000 atau penjara dua tahun dan sertamerta dikehendaki menjalani pengawasan oleh pegawai sebagaimana ditakrifkan di bawah Seksyen 2 Akta Penagih Dadah (Rawatan dan Pemulihan) 1983 selama tempoh tidak kurang dari dua tahun dan tidak melebihi tiga tahun mengikut Seksyen 38B ADB 1952.

Menurut keterangan kes, tertuduh didapati menggunakan dadah berbahaya jenis amphetamine dan methamphetamine yang tersenarai di dalam Jadual Pertama ADB

1952 (Akta 234), dengan cara memasukkan dadah tersebut ke tubuh badan sendiri tanpa kebenaran pihak berkuasa.

Kesalahan itu dilakukan tertuduh pada jam 10.30 malam, 27 November 2025 di pejabat Bahagian Siasatan Jenayah Narkotik Daerah Miri.

Mahkamah memerintahkan hukuman penjara ke atas tertuduh dikuatkuasakan mulai tarikh dia ditangkap pada 27 November 2025.

Pendakwaan kes dikedalikan ASP Mary Ong di hadapan Majistret Ashok Linggam, manakala tertuduh tidak diwakili peguam bela.